



GALAK PELAJAR KE PERPUSTAKAAN

Oleh Divya a/p Gopubala Krishnan, SMK Infanti Jesus Convent, Melaka

PADA alaf ini, didapati bahawa pelajar tidak lagi suka ke perpustakaan atau tempat khazanah ilmu. Generasi muda hari ini dilihat lebih suka membazirkan masa dengan berbuai kosong. Sementara itu, ada pelajar yang boleh dipuji kerana rajin ke perpustakaan, namun mereka hanya pergi ke perpustakaan untuk tidur dan menghabiskan masa bersama-sama rakan. Persoalannya, apakah usaha yang perlu dipergiat untuk menggalakkan pelajar rajin berkunjung ke perpustakaan?

Antara usaha yang dominan yang boleh dilakukan termasuklah menyediakan bahan bacaan yang menarik dan berkualiti untuk menarik perhatian pelajar ke perpustakaan. Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa banyak rungutan yang diterima daripada pelajar tentang buku yang sedia ada di perpustakaan yang sudah lama dan lapuk. Buku cerita bersiri pada era moden ini lebih diminati oleh pelajar dan sumber tersebut amat kurang disediakan di perpustakaan. Pihak sekolah harus bersinergi dengan pihak yang berkaitan untuk mendapatkan bahan bacaan terkini. Bahan bacaan baharu yang menarik minat pelajar, termasuklah buku, novel, buletin, majalah dan akhbar, harus disediakan di perpustakaan.

Seterusnya, pihak sekolah juga harus menyediakan kemudahan internet di perpustakaan. Hal ini dilihat

menjadi daya tarikan untuk pelajar berada lebih lama di perpustakaan. Pelajar boleh membuat kerja yang berkaitan dengan mata pelajaran dengan menggunakan kemudahan internet yang disediakan. Kemudahan internet merupakan cara bagi pelajar mendapatkan maklumat dengan cepat dan pantas. Dengan adanya kemudahan tersebut, golongan pelajar yang kurang bernasib baik dapat menggunakannya dengan penuh bermanfaat. Kemudahan teknologi maklumat dengan capaian internet sudah tentu dapat menarik minat pelajar untuk bertumpu ke perpustakaan.

Selain itu, pihak sekolah harus mewujudkan suasana yang selesa dan konklusif di perpustakaan. Bilik yang luas dengan susunan meja dan kerusi yang teratur amat membantu untuk pelajar berada lebih lama di perpustakaan. Hal ini membantu pelajar memberikan fokus kepada hal yang lain ketika berada di perpustakaan untuk mengulang kaji pelajaran.

Sebagai kesimpulannya, pihak sekolah perlu serius dalam usaha mentransformasikan perpustakaan sebagai tempat yang paling kondusif dan diminati oleh pelajar untuk mengulang kaji pelajaran. Perpustakaan sepatutnya dijadikan sebagai sumber kejayaan setiap pelajar.

